MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
# TARIKH: 12 FEBRUARI 2025 (RABU)

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | MBDK<br>MBPJ<br>MPAJ<br>MPKj | • CELEBRATION OF UNITY IN KLANG<br>• URGENT NEED TO REPAIR PJ's BROKEN PAVEMENTS<br>• RECYCLING CENTRES, METAL TRADE WORKSHOPS INSPECTED IN AMPANG JAYA<br>• NEW INSTALLATIONS MAKE FOR PICTURE PERFECT SPOTS AT KAJANG PARK |
| 2. | SINAR HARIAN | MBPJ<br>DBKL | • MBPJ AMBIL TINDAKAN TEGAS PENIAGA 'ALI BABA' TAPAK BAZAR<br>• DBKL SITA BARANGAN PENJAJA TANPA LESEN, SKUTER HALANG LALU LINTAS |
| 3. | KOSMO | DBKL | • PENJAJA HARAM, SKUTER ELEKTRIK KENA GEMPUR |
| 4. | UTUSAN MALAYSIA | MPKS | • TAPAK SAMPAH HARAM TETAP BEROPERASI WALAU MPKS LETAK NOTIS |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • PROTEST AGAINST LOSS OF POLICE LAND |
| 2. | SINAR HARIAN | • CONTOHI TIGA NEGARA PALING BERSIH RASUAH<br>• PEGAWAI INSTITUSI KEWANGAN ANTARA TUJUH DITAHAN<br>• PINDAAN AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 BERKUAT KUASA SELASA<br>• NEGARA PERLU TINGKAT 2 MATA SETIAP TAHUN UNTUK CAPAI 25 TERBAIK |
| 3. | KOSMO | • KETUA BALAI BOMBA ARAH ANGGOTA BUAT TUNTUTAN PALSU |
| 4. | HARIAN METRO | • PENGURUS JUALAN BUAT TUNTUTAN PALSU DIREMAN 5 HARI |
| 5. | BERITA HARIAN | • BANYAK FAKTOR PENGARUHI INDEKS PERSEPSI RASUAH<br>• KETUA BALAI BOMBA DIREMAN TUNTUTAN PALSU RM30,000<br>• MALAYSIA KEKAL KEDUDUKAN KE-57 CPI TAHUN KEDUA BERTURUT-TURUT |
| 6. | UTUSAN MALAYSIA | • USAHA BANTERAS RASUAH, TADBIR URUS BELUM CUKUP – MCW<br>• MENYAMAR PENJAWAT AWAM UNTUK MOHON PEMBIAYAAN PERIBADI |
| 7. | NEW STRAITS TIMES | • MALAYSIA MAINTAINS GRAFT INDEX SCORE<br>• GENERATIVE AI's ENVIRONMENTAL IMPACT |

# Celebration of unity in Klang

## City council hosts 500 guests to afternoon tea, cultural performances for CNY




TWO lions were seen prancing through the crowd as Klang Royal City Council (MBDK) hosted 500 residents for afternoon tea at Dewan Hamzah in Klang, Selangor.

Mayor Datuk Abd Hamid Hussain said it was wonderful to see the dancers performing to the beat of the drums.

He described the vibe at the event as one that reflected hope, prosperity and unity.

"Our celebration of the Lunar New Year with local residents serves as an important platform to strengthen unity among the city's multicultural community.

"I would like to wish the Chinese community in Klang, *xin nian kuai le* (Happy Chinese New Year), *guo nian hao* (celebrate the New Year joyfully), *nian nian hao* (may every year be a good year) and *xin xiang shi cheng* (may all your hopes be fulfilled)," said Abd Hamid, who also took the opportunity to mingle with guests.

"Let us come together to celebrate the spirit of unity, instil values of mutual respect and make this Lunar New Year a meaningful opportunity to build a more prosperous city," he said.

Guests were treated to cultural performances including 24 festive drum, "Bian Lian" Chinese face changing art form as well as Chinese and Malay songs.

Among the attendees were Selangor Palace representative Datuk Mohamed Khusrin Munawi, south Klang OCPD Asst Comm Cha Hoong Fong, Pandamaran assemblyman Tony Leong Tuck Chee, Bandar Baru Klang assemblyman Dr Quah Perng Fei, Sultan Abdul Aziz Royal Gallery general manager Datuk Munasor Aliyasak as well as MBDK department heads and councillors. — **By EDWARD RAJENDRA**




(From left) Dr Quah, Leong, Abd Hamid and ACP Cha at MBDK's Lunar New Year celebration at Dewan Hamzah. — SHAARI CHE MAT/The Star


THE STAR
Tarikh: 12 FEB 2025

# Urgent need to repair PJ's broken pavements

## Lack of maintenance reflects poorly on city council, elected representatives

I AM compelled to highlight the deteriorating state of Petaling Jaya's pavements, which has made it difficult for users to move around safely in the city.

These walkways have become perilous because of neglect and disrepair which is unacceptable for a city with a population of over 800,000.

How can we improve public transportation facilities in Petaling Jaya if there are no proper pavements to begin with?

In recent times, the pavements in these areas have suffered from significant wear and tear.

Issues such as uneven surfaces, cracks and overgrown vegetation are prevalent, posing safety risks to pedestrians.

From my experience, some of these pavements have not been maintained for over 20 years.

The situation was further exacerbated by a severe storm last May which uprooted numerous trees and caused substantial damage to walkways in sections 11, 12, 14, 16 and 17 as well as SS2 and along Jalan Gasing.

While natural phenomena are the main causes of broken pavements, it remains the duty of local authorities and elected representatives to go down to the ground and inspect the state of our pavements.

This needs to be prioritised for urban well-being.

For example, the southern section of the Jalan Gasing pavement has always been frequented by residents, who go for recreational activities around the Bukit Gasing area.

As someone who regularly walks along this pavement, I have experienced the hazards of stepping on walkways which are in poor condition.

On multiple occasions, I have been nearly injured because of the numerous holes and uneven surfaces.

These defects make walking not only inconvenient but dangerous for pedestrians.



Pavement defects along Jalan Gasing and throughout Petaling Jaya make walking dangerous.

The responsibility of maintaining these pavements falls under the jurisdiction of Petaling Jaya City Council (MBPJ) and our elected representatives.

There has been little to no visible improvement over the years.

This raises the question of how much priority is really given to pedestrian safety.

A well-maintained pedestrian infrastructure is crucial for the safety and mobility of all residents, including the elderly, children and people with disabilities.

Well-maintained pavements encourage walking, reduce traffic congestion and contribute to the overall quality of life in our city.

The continued neglect of this essentia infrastructure not only endangers pedestrians but also reflects poorly on our city's governance.

There should be urgent repairs to fix these hazards, a scheduled maintenanc plan to prevent further deterioration and transparent communication with residents on these efforts.

Pedestrian safety should not be sidelined because of administrative complacency.

**PJ RESIDENT**
**Bukit Gasing, Petaling Jaya**

STARMETRO MAIL

EMAIL metro@thestar.com.my
MAIL The Editor, Metro Mail, Level 3A, Menara Star, 15, Jalan 16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name, address, telephone number and signature. A pseudonym may be included. Letters may be edited for clarity, brevity and other requirements.

THE STAR
Tarikh: 12 FEB 2025



MPAJ enforcement officers inspecting a recycling centre.

# Recycling centres, metal trade workshops inspected in Ampang Jaya

SEVERAL recycling centres and metal trade workshops in Ampang Jaya, Selangor, were caught off guard as authorities swooped in for surprise inspections.

The joint operation, led by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) and Hulu Langat branch of Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), resulted in six seizures for various offences.

The operation, carried out with officers from Ampang Jaya police, was carried out in Pandan Indah and Ampang Campuran.

"The operation involved inspections of seven business premises engaged in the metal trade and recycling.

"Besides the seizures, five compounds were issued for offences such as operating without a licence and obstructing public pathways," MPAJ said in a statement.

Enforcement action was taken under MPAJ's by-laws and the Street, Drainage and Building Act 1974.

Among the other offences identified were premises using or possessing unverified weighing or measuring instruments.

This led to KPDN Hulu Langat issuing three compounds for violations under the Weights and Measures Act 1972.

Under the law, anyone who uses or possesses an unverified, unstamped, uncertified or unauthenticated weighing or measuring instrument for trade commits an offence.

Upon conviction, they may face a fine of up to RM4,000, up to three years in prison or both, and the instrument may be forfeited.

MPAJ said it would continue periodic inspections with various agencies to ensure business compliance and prevent unlicensed operations within the municipality. — By SHALINI RAVINDRAN

THE STAR

Tarikh: 12 FEB 2025

# New installations make for picture perfect spots at Kajang park

FIVE new hardscape installations are providing visitors with exciting Instagrammable spots at Taman Rekreasi Sungai Chua in Kajang, Selangor.

The installations are Stairway to Heaven, Dimensional Box, Tyre Swing, Area Indicator and Autumn Tree.

Bangi MP Syahredzan Johan said the project's cost of RM29,900 was funded by the constituency allocation under Project Mesra Rakyat.

"The project was completed in November last year.

"We encourage the public to take pictures and share them on social media, helping more people discover that Kajang has a place called Sungai Chua.

"Kajang Municipal Council (MPKj) has maintained the park and continuously improves its facilities.

"We must work together to ensure this recreational space remains clean," he said during a visit to the park with MPKj councillor Kwan Say Hong.

Syahredzan added that the installations were timely attractions for Visit Selangor Year 2025 and Visit Malaysia 2026.

"Kajang has many attractions worth visiting, including historical sites that are over a century old and waiting to be explored."

He also invited everyone to the Chinese New Year celebration for Bangi constituency on Feb 23 at Laman Niaga Sungai Long, from 6pm to 9pm. — By VIJENTHI NAIR



Syahredzan (left) and Kwan with one of the new installations at Taman Rekreasi Sungai Chua.

THE STAR

Tarikh: 12 FEB 2025

# Protest against loss of police land

## Greater law enforcement presence needed in area with projected 70,000 population, say Tmn Desa residents

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

MORE than 1,000 Taman Desa residents in Kuala Lumpur have signed a petition opposing the sale of police reserve land to a company.

They want the 0.35ha plot along Jalan 3/109F reinstated as police reserve land.

Taman Desa Residents Association (TDRA) chairman Wong Chan Choy said the plot is classified as police reserve land in the Kuala Lumpur Local Plan 2020 and the draft Kuala Lumpur Local Plan 2040 (KLLP2040).

"Currently, Taman Desa and its surrounding neighbourhoods are under the jurisdiction of the police station along the Third Mile of Old Klang Road and a police beat at Taman Danau Desa.

"According to a census in 2020, there are more than 35,000 residents in Taman Desa.

"With six more condominium projects underway, we expect the population to swell to 70,000 within five years.

"With that, Taman Desa deserves its own police station," he said during a press conference held at Taman Desa Community Hall.

Wong said the group would continue collecting more signatures for the petition, which could be submitted to the authorities early next week.

"We have more than 20 condominium management corporations supporting our cause.



Residents listening to a briefing on the sale of the police reserve land at a press conference in Taman Desa Community Hall. — Photos: YAP CHEE HONG/The Star

"We will also write to the Chief Secretary to the Government (KSN) regarding the matter."

The issue first came to light after Seputeh MP Teresa Kok questioned the land deal in a Facebook post last December.

In the post, she said she learnt that the Federal Territory of Kuala Lumpur Land Executive Committee (JKTWPKL) had decided to sell the land during a consultative discussion with the Kuala Lumpur mayor and Kuala Lumpur MPs.

The decision had been made by JKTWPKL following a meeting in June last year.

She also said the police and Home Ministry had opposed the sale, as they had planned to build the Brickfields Police Station there.

Currently, the Brickfields Police Station is operating out of a rented private building.



Wong says Taman Desa deserves its own police station.

The land in question, Lot 54780, is now vacant.

It once housed a food court that has since been demolished.

TDRA treasurer Koh Swee Hyong said the land was ideal for a much-needed police station and unsuitable for residences.

"There is a condominium next to the land.

"Erecting another high-rise building would only worsen traffic congestion," he said.

Datuk Chang Kim Loong, whose relative lives in Taman Desa, questioned the land deal when there were plans to develop a police station on the site.

"As far as I know, the land is owned by JKTWPKL while Kuala Lumpur City Hall (DBKL) manages it.

"I urge TDRA to lodge a report with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)."

THE STAR
12 FEB 2025
Tarikh:

# MBPJ ambil tindakan tegas peniaga 'ali baba' tapak bazar

SH 12/2 (MBPJ)



MOHAMAD ZAHRI

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi amaran akan mengenakan tindakan tegas terhadap peniaga yang mengaut keuntungan dengan 'mengalibabakan' tapak bazar Ramadan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon berkata, pihaknya akan sentiasa melakukan pemantauan dari semasa ke semasa.

"Kita membuka peluang perniagaan kepada mereka yang memerlukan jadi kepada yang layak dan telah mendapat lesen perlu manfaatkannya dengan menggunakan peluang sebaiknya.

"Jika ada pelanggaran atau ada yang menyewakan lesen kepada pihak lain, kita memang tidak akan berkompromi dalam hal ini, kita akan ambil tindakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Atlet Larian Menara, Soh Wai Ching Bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Bilik Gerakan Ibu Pejabat MBPJ di Petaling Jaya pada Isnin.

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025

# DBKL sita barangan penjaja tanpa lesen, skuter halang lalu lintas

SH 12/2

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tindakan sitaan terhadap penjaja tanpa lesen dan skuter 'Beam' yang menghalang lalu lintas di beberapa lokasi di ibu kota pada Isnin.

Operasi yang dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Bukit Bintang DBKL itu memberi tumpuan di Jalan Ampang, Jalan P Ramlee, Jalan Pinang dan Jalan Bukit Bintang.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, sebanyak 12 kes tindakan sita telah dilakukan dalam operasi khas itu mengikut peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Antara barangan yang disita termasuklah meja, kerusi plastik, pakaian, skuter, payung dan peralatan lain yang mengganggu laluan awam," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut DBKL, semua barangan yang disita telah dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tujuan rekod dan dokumentasi.

MBSA turut menegaskan akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan secara berterusan di kawasan-kawasan tumpuan yang telah dikenal pasti.

Orang awam yang mempunyai sebarang aduan atau maklumat diminta untuk menghubungi DBKL melalui pautan *https://adukl.dbkl.gov.my/*



**DBKL mengambil tindakan sitaan skuter yang menghalang lalu lintas di ibu kota pada Isnin.**

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025

# Contohi tiga negara paling bersih rasuah

## Malaysia tidak boleh berpuas hati kedudukan ke-57 CPI 2024

**SHAH ALAM** SH 12/2

Malaysia tidak boleh berpuas hati dengan kedudukan di tangga ke-57 dalam CPI 2024 apatah lagi dalam keadaan negara jiran, Singapura naik ke tangga ketiga daripada keseluruhan 180 negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (#Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, kedudukan Malaysia yang kekal pada tangga 57 untuk dua tahun berturut-turut itu memberi indikasi bahawa satu usaha yang lebih komprehensif, pendekatan lebih menyeluruh dan sistemik perlu dilakukan untuk membendung rasuah.

"Sudah tentu kita tak boleh berpuas hati, walaupun ada tindakan memerangi rasuah sedang diambil atau sudah bermula tetapi kita kena lihat sasaran Perdana Menteri yang mahu kedudukan Malaysia melonjak ke tangga 25 dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Tempoh itu tidak panjang jadi untuk selesa kita memerlukan tambahan skor 20 mata lagi. Ia bermakna, setiap tahun skor kita kena meningkat sebanyak dua mata sepanjang tempoh 10 tahun berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian*.



NURHAYATI NORDIN

Berdasarkan CPI 2024, tiga negara teratas ialah Denmark, Finland dan Singapura masing-masing dengan skor sebanyak 90 mata, 88 mata dan 84 mata.

Nurhayati berkata, Malaysia boleh mempraktikkan strategi serampang dua mata untuk melakukan penambahbaikan supaya kedudukan CPI negara lebih stabil termasuk mencontohi dan mengambil kira amalan terbaik yang dipraktikkan di tiga negara teratas terbabit.

"Kita kena tengok amalan terbaik yang dilakukan di negara-negara berkenaan seperti dari segi kecekapan, ketelusan dan sistem penyampaian mereka yang menyebabkan CPI mereka itu lebih baik daripada Malaysia.

"Kena lihat apa kaedah yang digunakan, kerana walaupun di ASEAN Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura, tetapi dari segi mata serta kedudukan peringkat global jauh berbeza antara dua negara ini," ujarnya.

Menurutnya, pendekatan yang perlu diperkasa mestilah pelbagai merangkumi banyak lapisan dan tingkat bermatlamat menambah baik sudut perundangan serta mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menghapuskan rasuah.

"#RasuahBusters memang sudah memulakan satu pendekatan yang mana kita guna serampang dua mata.

"Pertama untuk pastikan kita dapat bina negara Malaysia tanpa rasuah, pihak yang bertanggungjawab dalam polisi undang-undang kena kukuh. Jadi reformasi itu berlaku. Tapi penting bagi kita merakyatkan reformasi, dalam kata lain macam mana nak fahamkan rakyat tentang pentingnya perundangan," kata beliau.

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025

# Pegawai institusi kewangan antara tujuh ditahan

Disyaki menipu dapatkan pembiayaan peribadi lebih RM1.3 juta

KUALA TERENGGANU SH 12/2

Mahkamah & Jenayah

Polis menahan tujuh individu termasuk seorang pegawai wanita sebuah institusi kewangan pada Isnin kerana disyaki menipu untuk mendapatkan pembiayaan peribadi berjumlah RM1.325 juta di syarikat itu di sini, antara Januari hingga April tahun lepas.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin berkata, kesemua tiga lelaki dan empat wanita berusia dalam lingkungan 26 hingga 55 tahun itu ditahan di Terengganu, Johor dan Selangor hasil risikan Bahagian Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu.

"Selain pegawai tersebut, mereka yang ditahan adalah peminjam yang bekerja sebagai peniaga dan suri rumah.

"Polis turut merampas 15 keping kad mesin juruwang automatik (ATM) dan enam unit telefon bimbit," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Mohd Khairi berkata, pihaknya pada 28 Januari lepas telah menerima laporan daripada pengurus institusi kewangan terbabit yang mendakwa ditipu dalam urusan pembiayaan peribadi yang dipohon oleh tujuh pelanggan bernilai lebih RM1 juta.



MOHD KHAIRI

Bagaimanapun, setelah pembiayaan diluluskan kesemua suspek yang didapati menyamar sebagai penjawat awam sewaktu membuat permohonan gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan.

"Hasil audit dalaman institusi kewangan tersebut mendapati suspek telah mengemukakan dokumen dan data yang telah dipalsukan," katanya.

Beliau berkata, kesemua suspek kini direman antara dua hingga empat hari bermula Selasa, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Beliau juga mengesahkan pihaknya akan membuat beberapa lagi tangkapan selain rampasan wang atau aset dalam kes berkenaan.- *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025

# Pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berkuat kuasa Selasa

**KUALA LUMPUR** - Pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] mula berkuat kuasa pada Selasa selepas diwartakan pada 7 Februari lepas.

Kementerian Komunikasi dalam kenyataan memaklumkan, pindaan terhadap akta itu yang diluluskan di Dewan Rakyat pada Disember tahun lepas menyediakan ekosistem rangkaian internet lebih selamat dan mampan kepada pengguna.

"Hal ini sekali gus memberikan perlindungan lebih baik kepada pengguna, terutamanya kanak-kanak dan keluarga," menurut kenyataan itu pada Selasa.

Persidangan Dewan Rakyat pada 9 Disember 2024 meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 melalui undi belah bahagian dengan 59 ahli Parlimen bersetuju manakala 40 ahli Parlimen tidak menyokong, seorang tidak mengambil bahagian serta 122 tidak hadir.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil ketika menggulung perbahasan RUU berkenaan berkata, Seksyen 233 di bawah Akta 588 tidak dimansuhkan untuk mengelak penyalahgunaan rangkaian oleh mana-mana pihak bagi tujuan komersial khususnya penjualan pornografi dan pedofilia.

Bagi pindaan Seksyen 211 pula, ia tidak terpakai kepada orang awam, tetapi penggunaannya adalah kepada pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP) dengan denda dalam seksyen berkenaan diselaraskan mengikut perkembangan semasa.

Pindaan itu juga memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih tempoh lima tahun atau denda RM500,000 atau kedua-duanya, bagi kesalahan yang dilakukan terhadap kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah.

Menerusi pindaan itu, Seksyen 211 menggantikan perkataan 'kandungan jelik' dengan perkataan 'kandungan yang sumbang dan lain-lain' manakala dalam Seksyen 211 (b)(1) memotong perkataan 'atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan' serta menggantikan perkataan 'jelik' dengan perkataan 'jelik melampau'.

Seksyen 211(c) pula antaranya menggantikan perkataan 'seseorang' dengan perkataan 'pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan' selain menggantikan perkataan 'lima puluh ribu' dengan perkataan 'satu juta'.

Kementerian Komunikasi turut memaklumkan pada tahun lepas, jumlah kes jenayah dalam talian mencecah 35,368 kes dengan nilai kerugian lebih RM1.5 bilion, membuktikan bahawa pindaan itu tepat pada masanya.

Kementerian berharap rakyat Malaysia dapat memberi sokongan penuh terhadap usaha yang dilaksanakan dan mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi diri dan keluarga daripada sebarang ancaman dalam talian.

*- Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025

# Negara perlu tingkat 2 mata setiap tahun untuk capai 25 terbaik

Sinar 12/2

**SHAH ALAM** - Malaysia perlu meningkatkan skor sekurang-kurangnya dua mata setiap tahun sehingga 2033 demi mencapai sasaran kedudukan 25 negara terbaik CPI, kata Presiden TI-M, Dr Muhammad Mohan.

"Pada tahun ini, tiga buah 'negara bersih daripada ancaman rasuah' yang berjaya menduduki tiga tangga teratas dalam indeks tersebut ialah Denmark, Finland dan Singapura dengan skor 90, 88, dan 84 mata.

"Negara-negara yang berada di kedudukan tercorot pula ialah Venezuela, Somalia dan Sudan Selatan dengan skor 10, 9, dan 8 mata," katanya.

Sementara kedudukan Malaysia tidak berubah, negara jiran, Singapura terus memperbaiki kedudukan dari tempat kelima ke tangga ketiga dengan 88 mata.

Malaysia juga ketinggalan 40 mata iaitu hampir separuh berbanding negara paling rendah rasuah di dunia.

Denmark sentiasa berada di kedudukan pertama sejak CPI versi baharu diperkenal pada 2012 kecuali pada 2017 apabila ia berada di belakang New Zealand.

Mengikut skor CPI, lebih tinggi skor direkodkan, lebih bersih sesebuah negara daripada amalan rasuah, manakala lebih rendah skor bermaksud lebih tinggi kes rasuah berlaku.

Kecuali Singapura, kedudukan Malaysia bagaimanapun adalah lebih baik berbanding negara jiran lain iaitu Vietnam pada kedudukan ke-88, Indonesia (99), Thailand (107), Filipina (114), Laos (114), Kemboja (158) dan Myanmar (168).

Muhammad turut memuji beberapa pencapaian Kerajaan Madani sepanjang tempoh dua tahun berkuasa, antaranya penubuhan pasukan petugas khas dan pelantikan Ketua Setiausaha Negara untuk menerajui wawasan menjadikan Malaysia 25 negara terbaik CPI.

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 FEB 2025



PENGUATKUASA DBKL merampas sebahagian skuter elektrik berbayar yang menghalang lalu lintas di sekitar ibu kota kelmarin.

Kosmo 12/2 (DBKL)

# Penjaja haram, skuter elektrik kena gempur

- DBKL sita peniaga tidak berlesen di ibu kota
- Skuter halang lalu lintas turut dirampas

**PETALING JAYA** – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tindakan sitaan terhadap barangan penjaja tanpa lesen dan skuter elektrik (beam) yang menghalang lalu lintas di beberapa lokasi sekitar ibu kota kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan di Facebook memaklumkan, operasi yang dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Bukit Bintang DBKL itu memberi tumpuan sekitar Jalan Ampang, Jalan P. Ramlee, Jalan Pinang dan Jalan Bukit Bintang.

"Dalam tindakan khas yang dijalankan, sebanyak 12 kes tindakan sita telah dijalankan menerusi peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Antara barangan yang disita adalah meja, kerusi plastik, pakaian, skuter, payung dan lain-lain peralatan.

"Kesemua barangan yang dikenakan tindakan sita telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," kata DBKL.

Dalam kenyataan sama, DBKL menegaskan bahawa pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan *https://adukl.dbkl.gov.my/*," jelas kenyataan itu.

KOSMO
Tarikh: 12 FEB 2025



PEGAWAI SPRM membawa suspek untuk proses permohonan reman di Mahkamah Majistret Kangar semalam.

Kosmo 12/2

# Ketua balai bomba arah anggota buat tuntutan palsu

- Melibatkan 15 anggota bawahan
- Duit elaun RM30,000 diserahkan kepada suspek bagi kegunaan peribadi

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

**KANGAR** – Seorang ketua balai bomba dan penyelamat di negeri ini direman enam hari bermula semalam berhubung kes tuntutan palsu berkaitan elaun kehadiran anggota bomba bantuan berjumlah RM30,000.

Perintah tahanan reman ke atas pegawai berusia 49 tahun itu dikeluarkan Majistret Nurshahida Abdul Rahim di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perlis di sini pada pukul 4.20 petang kelmarin.

Menurut sumber, tuntutan palsu tersebut dilakukan sejak November 2023 hingga Februari tahun lalu.

"Suspek didakwa menyalahgunakan kuasa sebagai ketua balai dengan mengarahkan 15 anggota bawahan membuat tuntutan elaun kehadiran sedangkan mereka tidak hadir (bertugas).

"Apabila wang elaun dimasukkan ke dalam akaun anggota, mereka perlu memulangkan wang itu semula kepada suspek," katanya.

Elaun kehadiran anggota bomba bantuan adalah RM96 sehari.

Suspek didakwa menggunakan wang yang dimasukkan ke dalam akaunnya untuk kegunaan peribadi.

"Buat masa ini kita masih menjalankan siasatan lanjut termasuk jumlah keseluruhan transaksi yang dilakukan suspek," kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd. Nor Adha Ab Ghani memberitahu, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM kerana mengemukakan tuntutan palsu.

KOSMO
Tarikh: 12 FEB 2025

# Pengurus jualan buat tuntutan palsu direman 5 hari

HM 12/2

**Melaka:** Seorang pengarah yang juga pengurus jualan di sebuah syarikat swasta di negeri ini direman lima hari kerana disyaki membuat tuntutan palsu berkaitan kerja perbekalan peralatan sukan badminton RM78,812.60.

Perintah reman terhadap suspek sehingga 15 Februari ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman di Mahkamah Majistret 2, Ayer Keroh, semalam, selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka bagi melengkapkan siasatan kes.

Sumber memaklumkan suspek berusia 44 tahun ditahan pada jam 3.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka.

"Suspek ditahan atas dakwaan mengemukakan dokumen mempunyai butir palsu kepada seorang akauntan syarikat pembekalan bagi kerja pembekalan alatan sukan badminton berjumlah keseluruhan RM78,812.60 sedangkan pembekalan tidak sempurna dilaksanakan," katanya.

Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**TERTUDUH** diiringi pegawai SPRM di pekarangan mahkamah.

HARIAN METRO
Tarikh: 12 FEB 2025

# Banyak faktor pengaruhi Indeks Persepsi Rasuah

BH 12/2

**Kuala Lumpur:** Kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bukan hanya bertumpu kepada isu rasuah semata-mata, sebaliknya dipengaruhi faktor lain, termasuk produktiviti dan daya saing ekonomi.

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), dalam kenyataan berkata, elemen rasuah hanyalah satu daripada sembilan indikator yang dinilai dalam CPI.

"(Indikator) CPI seperti produktiviti dan daya saing ekonomi iaitu bagaimana kecekapan sistem ekonomi dan daya saing perniagaan mempengaruhi kepercayaan terhadap institusi turut mempengaruhi CPI.

"Selain itu, elemen reformasi undang-undang di mana keberkesanan dan ketelusan sistem perundangan dalam memastikan keadilan dan kebertanggungjawaban.

"Antara faktor lain adalah kerenah birokrasi berhubung ketelusan dan kecekapan dalam urusan kerajaan dan perkhidmatan awam," katanya.

Transparency International Malaysia (TI-M) semalam mengumumkan kedudukan Malaysia dalam CPI 2024 kekal di tangga ke-57 untuk tahun kedua berturut-turut.

MCW berkata, dalam laporan CPI 2024 itu, persepsi umum keliru seolah-olah CPI hanya mencerminkan keberkesanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menangani rasuah, sedangkan ia sebenarnya merangkumi aspek yang lebih luas dalam tadbir urus negara.


*Idris Zaharudin*

Dalam pada itu, menurut MCW elemen seperti ketidakstabilan politik, kebebasan institusi penguatkuasaan, akses kepada maklumat awam, perlindungan terhadap pemberi maklumat (whistleblower), budaya integriti dan ketelusan antara faktor yang diambil kira dalam CPI.

"Dengan penjelasan yang lebih menyeluruh ini, kita dapat mengubah naratif bahawa CPI bukan sekadar cerminan kerja SPRM, tetapi satu gambaran lebih besar mengenai tadbir urus keseluruhan negara.

"Ini juga akan membantu orang ramai memahami bahawa usaha meningkatkan CPI memerlukan pembaharuan menyeluruh, bukan hanya dari sudut penguatkuasaan rasuah semata-mata.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) SPRM, Datuk Idris Zaharudin, berkata pihaknya akan menganalisis dapatan CPI 2014 itu sebelum membuat kenyataan.

Beliau berkata analisis berkenaan akan dibawakan kepada Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang ditubuhkan tahun lalu.

Beliau berkata hasil analisis itu akan diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara sebagai pengerusi pasukan petugas khas itu.

BERITA HARIAN
Tarikh.......12 FEB 2025

# Ketua balai bomba direman tuntutan palsu RM30,000

BH 12/2



*Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, semalam.*
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

## Suspek disiasat salah guna kuasa babitkan elaun kehadiran anggota bantuan

**Oleh Aizat Sharif dan Meor Riduwan Meor Ahmad**
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Seorang pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perlis direman sehingga Ahad ini, bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung tuntutan palsu membabitkan elaun kehadiran anggota bomba bantuan mencecah RM30,000 di negeri ini.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nurshahida Abdul Rahim selepas suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Kangar pada jam 10.15 pagi semalam.

Suspek berusia 49 tahun dan bertugas sebagai ketua balai bomba dan penyelamat ditahan kira-kira jam 4.20 petang kelmarin, selepas memberi keterangan di Pejabat SPRM Perlis.

Sumber SPRM berkata, siasatan menjurus kepada tuntutan palsu yang membabitkan elaun kehadiran anggota bomba bantuan yang bernaung di bawah JBPM.

"Suspek dipercayai mengesahkan kehadiran anggota bomba bantuan yang tidak hadir. Elaun kehadiran adalah RM96 sehari dan pengesahan kehadiran bagi tuntutan itu dipercayai membabitkan 15 anggota bomba bantuan dengan elaun mencecah RM30,000," katanya ketika ditemui di luar mahkamah itu, semalam.

Katanya, semua tuntutan dilakukan bermula pada September 2023 hingga Februari tahun lalu.

"Suspek dipercayai menyalahgunakan kuasanya dengan meminta semula semua elaun yang dituntut itu daripada anggota bomba bantuan terbabit sebagai bayaran semula terhadap pengesahan yang dilakukan.

"Transaksi dipercayai dilakukan secara tunai dan dalam talian. Ia untuk kegunaan peribadinya, namun kita masih menyiasat jumlah transaksi dilakukan suspek," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM kerana mengemukakan tuntutan palsu.

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Ghani mengesahkan penahanan suspek.

### Pengarah syarikat direman

Sementara itu, di **Melaka**, seorang pengarah yang juga pengurus jualan di sebuah syarikat swasta di negeri ini direman lima hari kerana disyaki membuat tuntutan palsu berkaitan kerja perbekalan peralatan sukan badminton berjumlah RM78,812.60, dua tahun lalu.

Perintah reman sehingga 15 Februari ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman di Mahkamah Majistret 2 di Ayer Keroh, semalam, selepas permohonan dibuat SPRM Melaka bagi melengkapkan siasatan kes berkenaan.

Sumber memaklumkan suspek lelaki berusia 44 tahun itu ditahan kira-kira jam 3.30 petang semalam ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Suspek ditahan atas dakwaan mengemukakan dokumen yang mempunyai butiran palsu kepada seorang akauntan di sebuah syarikat pembekalan bagi kerja pembekalan alatan sukan badminton berjumlah keseluruhan RM78,812.60 sedangkan pembekalan tidak sempurna dilaksanakan," katanya.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman itu serta memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.


BERITA HARIAN
Tarikh 12 FEB 2025

# Malaysia kekal kedudukan ke-57 CPI tahun kedua berturut-turut

## Kerajaan disyor beri perhatian khusus reformasi institusi dan undang-undang untuk tingkat skor

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz
@bh.com.my

BH
12/2

**Petaling Jaya:** Malaysia mengekalkan kedudukan ke-57 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 untuk tahun kedua berturut-turut.

Menurut CPI 2024 yang diumumkan oleh Transparency International Malaysia (TI-M) semalam, skor CPI Malaysia kekal pada 50 mata sejak 2023.

Skor itu meningkat daripada 47 pada 2022, meletakkan negara di tangga ke-57 secara global, berbanding ke-61 pada 2022.

Untuk mencapai kedudukan 25 teratas menjelang 2033, Malaysia hendaklah memperoleh skor sebanyak 68-70 mata untuk mencapai kedudukan berkenaan.

Malah negara perlu meningkatkan skor sekurang-kurangnya dua mata setiap tahun sehingga 2033 bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Menerusi indeks CPI 2024, tiga 'negara bersih dari ancaman rasuah' berjaya menduduki tiga tangga teratas iaitu Denmark, Finland dan Singapura masing-masing dengan skor sebanyak 90 mata, 88 mata dan 84 mata.

Negara-negara yang berada di kedudukan tercorot dalam indeks itu adalah Venezuela, Sudan Selatan, dan Somalia masing-masing dengan skor sebanyak 10 mata, sembilan mata dan lapan mata.

CPI Malaysia diperoleh daripada sembilan tinjauan yang berbeza berdasarkan penilaian dari pakar perniagaan dan negara.

Penilaian itu mengukur persepsi tahap rasuah dalam sektor awam di 180 buah negara dan wilayah di seluruh dunia.



*Muhammad Mohan*

Sementara itu, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan, berkata kerajaan perlu memberi perhatian khusus kepada reformasi institusi dan undang-undang sekiranya mahu CPI negara meningkat pada masa hadapan.

Katanya, negara berdepan tugas yang mencabar untuk meningkatkan skor CPI walaupun kekal pada kedudukan sama sejak tahun lalu.

"Sudah tentu saya sedikit kecewa dengan keputusan ini kerana kita mengharapkan kedudukan Malaysia meningkat, namun perkara yang perlu diberi perhatian adalah bagaimana usaha kita dalam meningkatkan skor ini.

"Pertama, kita harus melihat kepada agenda reformasi yang dilakukan kerajaan, termasuklah reformasi institusi dan undang-undang seperti yang disarankan oleh masyarakat," katanya ketika ditemui pemberita selepas pengumuman CPI 2024, di sini, semalam.

### Masalah rasuah isu utama

Muhammad berkata, TI-M turut menyenaraikan punca yang menyumbang kepada negara berada di kedudukan dan skor yang sama, iaitu perniagaan masih berasakan bahawa masalah rasuah adalah isu utama yang perlu dibendung dalam sektor awam, terutama berkaitan tradisi meminta dan memberi rasuah yang masih berleluasa.

Kedua, usaha pembaharuan institusi masih bergerak dengan perlahan seperti penggubalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, pembentangan Akta Kebebasan Maklumat, Akta Perolehan Awam, Akta Perkhidmatan Parlimen, Akta Pembiayaan Politik dan pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Ketiga, semakan semula hukuman penjara dan pengurangan denda selepas disabitkan oleh mahkamah tertinggi ke atas kes berprofil tinggi mewujudkan persepsi unsur campur tangan politik dalam badan kehakiman.

"Keempat, bilangan kes DNAA (Discharge Not Amounting to Acquittal) yang tinggi diberikan untuk kes berprofil tinggi juga mewujudkan persepsi bahawa terdapat unsur campur tangan politik dalam badan kehakiman atau dalam proses pendakwaan.

"Usaha pihak SPRM menjadi penyebab kelima, iaitu masih terdapat kes-kes salah guna kuasa dan rasuah yang berterusan oleh penjawat awam, meskipun banyak tangkapan dilakukan. Contohnya, penahanan pegawai kastam di KLIA baru-baru ini akibat penyeludupan vape yang bernilai sebanyak RM8 juta.

"Keenam, laporan buruk yang berterusan dalam laporan Ketua Audit Negara mengenai kesalahan dan tatakelola yang lemah oleh pegawai kerajaan yang tidak diberikan hukuman yang sewajarnya," katanya.

### INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) 2024 NEGARA ASEAN

| NEGARA | SKOR NEGARA | | RANKING | | SKOR |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2024 | 2023 | 2024 | 2023 | |
| Singapura | 84 | 83 | 3 | 5 | ↑ |
| Malaysia | 50 | 50 | 57 | 57 | – |
| Vietnam | 40 | 41 | 88 | 83 | ↓ |
| Indonesia | 37 | 34 | 99 | 115 | ↑ |
| Thailand | 34 | 35 | 107 | 108 | ↓ |
| Filipina | 33 | 34 | 114 | 115 | ↓ |
| Laos | 33 | 28 | 114 | 136 | ↑ |
| Kemboja | 21 | 22 | 158 | 158 | ↓ |
| Mynmar | 16 | 20 | 168 | 162 | ↓ |

Sumber: LAPORAN CPI 2024 Infografik BH

BERITA HARIAN
Tarikh ..........12 FEB 2025..

# Tapak sampah haram tetap beroperasi walau MPKS letak notis

UM 12/2 (MPKS)

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

**KUALA SELANGOR:** Tindakan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) meletakkan kira-kira 10 kain rentang makluman larangan pembuangan sampah tidak diendahkan para pekerja tapak haram itu.

Tinjauan mendapati PBT itu meletakkan kain rentang makluman larangan pembuangan sampah dekat beberapa laluan masuk ke kawasan tanah tambak yang dijadikan tapak pelupusan sampah.

Namun, larangan tersebut tidak dipedulikan oleh pemandu lori tong *roll on roll off* (roro), pekerja ataupun pengusaha di kawasan berkenaan apabila masih lagi melakukan aktiviti pelupusan sisa binaan, industri dan domestik di sana.

Menurut seorang peniaga di kawasan tersebut, meskipun diuar-uarkan di akhbar baru-baru ini, masih terdapat aktiviti lori keluar dan masuk di kawasan berkenaan tanpa mengira waktu, hari bekerja atau hujung minggu.

"Masih aktif dan saya terpaksa meletakkan batu di sempadan untuk memastikan kawasan kedai tidak terjejas atau turut diletakkan sampah oleh pekerja-pekerja berkenaan.

"Meskipun diletakkan papan tanda larangan, selain lori, jengkaut dan pekerja-pekerja tetap melakukan kerja pelupusan sampah di kawasan tersebut dan mendakwa ia sebagai pengasingan barangan kitar semula," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, kawasan tapak pelupusan sampah haram dekat Kampung Sri Sentosa, Ijok yang terletak di Jalan Sungai Buloh - Kuala Selangor dilaporkan semakin melebar daripada 20 hektar kepada lebih 52 hektar.

Malah, tapak pelupusan itu dilihat bersembunyi di sebalik aktiviti tambak tanah dengan meletakkan sampah di bahagian belakang dan tanah di depan dekat kawasan yang sebelum ini dilaporkan kerap berlaku banjir.

Bagaimanapun, MPKS dalam kenyataannya sebelum ini memberitahu, pihaknya bersama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor mengeluarkan 28 notis rampas kepada pemilik yang membenarkan tanah mereka dijadikan tapak pelupusan sampah.



**BEBERAPA** individu tidak bertanggungjawab masih melakukan kerja-kerja pelupusan sampah secara haram walaupun notis larangan sudah diletakkan oleh MPKS dekat Kampung Sri Aman, Ijok di Kuala Selangor, Selangor. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 FEB 2025

# Usaha banteras rasuah, tadbir urus belum cukup – MCW

um 12/2

**PETALING JAYA:** Keputusan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 yang mengekalkan Malaysia di tangga ke-57 menunjukkan usaha membanteras rasuah masih belum cukup untuk membawa perubahan ketara dalam persepsi global terhadap tadbir urus negara.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, CPI bukan sekadar mengukur keberkesanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pendakwaan kes rasuah semata-mata, tetapi merangkumi aspek tadbir urus secara menyeluruh.

Katanya, beberapa faktor yang mempengaruhi kedudukan CPI termasuk reformasi undang-undang, ketelusan pentadbiran dan birokrasi, daya saing serta produktiviti ekonomi, kestabilan politik dan dasar awam serta perlindungan terhadap pemberi maklumat (whistleblower).

"Kecekapan dan ketelusan sistem perundangan dalam memastikan keadilan dan integriti amat penting, serta usaha mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

"Persekitaran ekonomi yang telus dan bebas daripada pengaruh korupsi, keyakinan masyarakat serta pelabur terhadap pentadbiran kerajaan dan perlindungan terhadap pemberi maklumat juga perlu ditingkatkan," katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, Jais berkata, walaupun kedudukan Malaysia tidak merosot dalam CPI, hakikatnya tiada peningkatan mencerminkan reformasi struktur yang dilaksanakan masih belum cukup berkesan.

Justeru, katanya, kerajaan perlu segera melaksanakan agenda reformasi institusi, memperkukuh mekanisme pemantauan serta meningkatkan ketelusan dalam pengurusan sumber awam.

"Kita juga perlu melihat CPI bukan sekadar dalam konteks rasuah semata-mata, tetapi dalam aspek tadbir urus secara menyeluruh.

"Jika Malaysia mahu melonjak dalam kedudukan CPI pada masa hadapan, perubahan lebih mendalam perlu dilakukan dalam semua sektor pentadbiran dan ekonomi negara," katanya.

> **"Persekitaran ekonomi yang telus dan bebas daripada pengaruh korupsi, keyakinan masyarakat serta pelabur terhadap pentadbiran kerajaan dan perlindungan terhadap pemberi maklumat juga perlu ditingkatkan."**
>
> JAIS ABDUL KARIM

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 FEB 2025

# Menyamar penjawat awam untuk mohon pembiayaan peribadi

UM 12/2

**KUALA TERENGGANU:** Polis menahan enam individu kerana disyaki terlibat menggunakan dokumen palsu untuk permohonan pembiayaan peribadi membabitkan kerugian sebanyak RM1.3 juta menerusi tangkapan di beberapa negeri, kelmarin.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd. Khairi Khairudin berkata, turut ditahan ialah seorang pegawai institusi kewangan di daerah ini.

Katanya, pihaknya merampas 15 kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan enam telefon bimbit yang disyaki digunakan dalam kes tersebut.

"Pada 28 Januari lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Terengganu menerima laporan daripada seorang lelaki berusia 42 tahun iaitu pengurus sebuah syarikat institusi kewangan di Kuala Terengganu yang mendakwa telah ditipu dalam urusan pembiayaan pinjaman peribadi melibatkan kerugian sebanyak RM1.325 juta.

"Menurut fakta kes, sekitar bulan Januari hingga April 2024 lalu, institusi kewangan itu menerima permohonan pembiayaan daripada tujuh pelanggan dan meluluskan permohonan pinjaman tersebut sebanyak RM1.325 juta.

"Selepas pembiayaan diluluskan, kesemua mereka gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan dan menyamar sebagai penjawat awam," katanya.

Kesemua mereka yang ditahan berusia dalam lingkungan 26 hingga 55 tahun.

Tambah Mohd. Khairi, hasil audit dalaman institusi kewangan terbabit mendapati kesemua individu tersebut mengemukakan dokumen serta data yang dipalsukan bagi mendapatkan kelulusan pinjaman.

"Hasil risikan, seramai enam individu iaitu empat wanita dan dua lelaki ditahan Isnin lalu di Terengganu, Johor dan Selangor.

"Polis akan membuat beberapa tangkapan lagi dalam masa terdekat dan merampas duit atau aset yang diperolehi daripada kesalahan penipuan tersebut. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 FEB 2025

12/2 nst

FOR SECOND CONSECUTIVE YEAR

# MALAYSIA MAINTAINS GRAFT INDEX SCORE

## Country in 57th spot globally as TI-M president urges focus on key legal, institutional reforms

IYLIA MARSYA ISKANDAR
**PETALING JAYA**
iyliamarsya@nst.com.my

## MALAYSIA'S SCORE

| YEAR | SCORE [1] | |
|---|---|---|
| 2021 | 48 | |
| 2022 | 47 | |
| 2023 | 50 | |
| 2024 | 50 | |




Note: 1. 100 (very clean) to 0 (highly corrupt)

## PERFORMANCE IN LAST 13 YEARS




INFOGRAPHIC NST

MALAYSIA has maintained its global corruption perception ranking for 2024, holding the 57th position for the second consecutive year.

According to the Corruption Perception Index (CPI) 2024 released yesterday by Transparency International Malaysia (TI-M), Malaysia's CPI score has remained at 50 points since 2023, up from 47 in 2022, placing the country 57th globally, compared with 61st in 2022.

Malaysia still needs to improve by 18 points to reach the top 25 ranking by 2033.

In Asean, Malaysia is second after Singapore, which scored 84 and is ranked third globally.

TI-M president Dr Muhammad Mohan said the stagnant scores would make the country's goal of reaching the top 25 by 2033 more difficult.

"If you look at last year, we had 50 points, and I mentioned that we must increase by two points annually to reach the target in the next eight years.

"But maintaining 50 points means that next year, the challenge becomes tougher, as we need to improve by about three or four points.

"So, I am a little disappointed, but hopefully, we can see an improvement next year," he said after presenting the CPI ranking yesterday.

Muhammad expressed hope that the efforts undertaken through the National Anti-Corruption Strategy (NACS) and the task force would help improve the score next year.

He said some key areas the government could focus on included institutional and legal reforms.

This, he said, included tabling amendments to the Whistleblower Protection Act, which he described as the "lowest hanging fruit" for the past five to six years.

"I don't know where is the stumbling block. Sometimes I am puzzled that when it goes to the cabinet, somebody puts a spanner in between and then the whole thing gets bogged down. So, I think this is where the government must be careful because while you want to carry out the reforms, time is running out. I was told that it will be tabled in March. I hope there will be no more delays after that."

He said other areas that could be improved included the Freedom of Information bill which is to be tabled in July.

Another key area is for the government to engage directly with businesses and business associations to address corruption issues. This is because businessmen are one of the major respondents of the CPI survey.

Muhammad said Malaysia made positive developments last year.

One of the key developments included having the chief secretary to the government take responsibility in championing NACS and leading the CPI vision of being in the top 25 in ranking by 2033.

He said TI-M had constantly made recommendations even in the National Anti-Corruption Plan for the chief secretary to take the lead as it involved the public sector but no action had been taken until last year.

Other areas of development included implementing the Public Finance and Fiscal Responsibility Act 2023, enforcing NACS which was launched in June and forming a special task force to propel Malaysia into the top 25 of the CPI.

Other initiatives included passing the Audit (Amendment) Bill in July 2024, amending the Trustee Act to prevent malpractices by trust entities, amending the Companies Act to mandate the disclosure of Beneficial Ownership Transparency and implementing the Demerit Performance Evaluation System for civil servants.

The CPI measures abuse of power in the public sector using 13 data sets, with respondents comprising business people and corruption experts.

Malaysian Anti-Corruption Commission's National Governance Planning Division senior director Datuk Idris Zaharudin said the commission was reviewing the CPI data.

He said MACC would present an analysis later to the CPI Special Task Force that was established last year.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 12 FEB 2025

# Generative AI's environmental impact

12/2
NST

Bots
By AFP

THE surge in generative artificial intelligence (AI) is being met with growing fears about the technology's ecological footprint, one of the top questions up for discussion at a global summit in Paris on Feb 10-11.

Here are some key figures on the state of play early this year.

**TEN TIMES GOOGLE'S POWER**

Every request made to OpenAI's chatbot, which is able to generate all kinds of responses to natural-language queries, consumes 2.9 watt-hours of electricity.

That is 10 times more than the equivalent figure for a Google search, according to the International Energy Agency (IEA).

OpenAI claims that ChatGPT now has 300 million weekly users making a total of one billion requests every single day.

Beyond ChatGPT, which fronted generative AI's emergence into public consciousness in 2022, there are thousands of chatbots.

One survey by French pollsters Ifop found that 70 per cent of 18- to 24-year-olds in the country said they used generative AI.

In America, a Morning Consult poll found that 65 per cent of 13- to 17-year-olds used generative AI, with the number close to half for the general population.

**BIGGER THAN FRANCE AND GERMANY**

Generative AI would not function without data centres hosting vast reserves of information and computing power.

In 2023, data centres accounted for almost 1.4 per cent of global electricity consumption, according to a study by consultancy Deloitte.

But with massive investments planned into generative AI, the figure is expected to reach three per cent by 2030 — or 1,000 terawatt-hours (TWh).

Deloitte said that was comparable with the combined annual consumption of France and Germany.

The IEA forecast a more than 75 per cent increase in data centre power consumption by 2026 compared with 2022's levels, to 800 TWh.

American consultancy Gartner said the vast power demands meant that up to 40 per cent of data centres built for AI applications could face electricity shortages by 2027.

**HUNDREDS OF FLIGHTS**

Training one of the large language models (LLMs) that power chatbots generates around 300 tonnes of carbon dioxide, researchers at the University of Massachusetts Amherst estimated in 2019.

That is around the same output as 125 return flights between New York and Beijing.

Two years later, Oxford University researchers put the figure at 224 tonnes for a single training session for OpenAI's GPT-3 model.

Developers have to train thousands of models to push their technology forward.

Despite such estimates, researchers say judging generative AI's overall greenhouse emissions is challenging.

Experts and institutions have pointed to a lack of information on how models are produced, as well as an absence of global measurement standards.

**RIVERS OF WATER**

Beyond energy, generative AI also consumes water, especially for cooling computer hardware.

GPT-3 requires around half a litre (one pint) of water to generate between 10 and 50 responses, according to a conservative estimate from researchers at the University of California Riverside and University of Texas at Arlington.

Overall, increased AI demand for water is forecast to amount to between 4.2 billion and 6.6 billion cubic metres.

That is four to six times the annual water consumption of Denmark, according to the same 2023 study.

**HEAPS OF ELECTRONIC WASTE**

Around 2,600 tonnes of electronic waste such as graphics cards, servers and memory chips emerged from generative AI applications in 2023, according to a study from the 'Nature Computational Science' journal.

The researchers extrapolated that figure to 2.5 million tonnes by 2030 if current trends continue and nothing is done to limit waste.

That would be the equivalent of around 13.3 billion discarded smartphones.

And like much computer hardware, AI equipment, including chips, requires rare metals to manufacture.

Mining for such metals, often in Africa, can involve heavily polluting processes.




*GPT-3 requires around half a litre of water to generate between 10 and 50 responses.*

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 12 FEB 2025